

16 JUN 2000

JAYA JUSCO-KEUNTUNGAN/I

JAYA JUSCO UNJUR PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN 20 PERATUS

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Jaya Jusco Stores Bhd, satu daripada peruncit utama di Malaysia, mengunjurkan keuntungan sebelum cukainya berkembang sebanyak 20 peratus bagi tahun kewangan semasa.

Bagi tahun yang berakhir pada 29 Februari, 2000, Jaya Jusco mencatatkan pertumbuhan 29 peratus dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak RM51.7 juta.

Bagi perolehan pula, pengarah urusan Masaaki Toyoshima berkata sukar sedikit bagi mereka untuk mencapai RM1 bilion dalam tahun semasa tetapi terdapat kemungkinan ia akan dicapai dalam tahun kewangan seterusnya.

Perolehan dalam tahun kewangan terakhir berjumlah RM804.214 juta.

Pasaraya Jaya Jusco kelapan dijangka dibuka di IOI Mall di Puchong pada akhir tahun ini, katanya kepada pemberita di sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan syarikat hari ini.

Beliau berkata pelaburan dalam pasaraya tersebut berjumlah RM24 juta.

Perolehan daripada pasaraya baru itu dalam tahun pertama operasi dijangka mencecah anggaran RM75 juta dan ke atas.

Sementara itu, syarikat itu juga sedang menaikkan taraf pasaraya Jaya Jusco di Taman Maluri kepada sebuah pusat membeli belah yang tiga kali ganda lebih besar daripada saiz semasanya.

Jumlah kos pelaburan di Pusat Membeli Belah Jusco Taman Maluri yang dijangka dibuka pada akhir tahun ini adalah kira-kira RM89 juta, kata Toyoshima.

Pusat membeli belah seluas 892,000-kaki persegi itu dijangka menghasilkan anggaran perolehan RM160 juta, tambahnya.

Beliau juga berkata bagi tempoh lima tahun yang akan datang, Jaya Jusco dijangka membuka lima lagi pasaraya yang menambahkan bilangan pasarayanya kepada 13 buah.

Lokasinya telahpun dikenalpasti, tambahnya.

Beliau membayangkan pasaraya-pasaraya tersebut akan ditempatkan di luar Lembah Klang, sambil menambah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun mengumumkan bahawa beliau tidak akan meluluskan pusat membeli belah di Lembah Klang.

Kecuali di Ipoh, Perak dan di Melaka, semua pasaraya Jaya Jusco kini terletak di Lembah Klang.

Menurut laporan tahunannya, Jaya Jusco sedang menilai beberapa tapak dan lokasi berpotensi serta kemungkinan kerjasama strategik dengan pemaaju dan pemilik tanah berasaskan kepada konsep "Kami reka, anda bina dan kami sewa.

-- BERNAMA

MSL ZK MA